

<b>S1.</b>	<b>Apakah itu myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J1.</b>	myBSN Bawah 18 Tahun adalah platform di mana remaja kini boleh menikmati kemudahan perbankan internet dengan selesa dan selamat bersama BSN. Anak-anak anda kini boleh memantau perbelanjaan mereka dan ini merupakan cara terbaik untuk remaja belajar tentang pengurusan wang. Kini, mereka boleh mengakses akaun mereka dengan mudah pada bila-bila masa.
<b>S2.</b>	<b>Siapakah yang layak mendaftar untuk myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J2.</b>	Semua pelanggan yang memenuhi syarat di bawah layak untuk mendaftar dan mengaktifkan myBSN. <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Warganegara Malaysia;</li> <li>b) Berumur antara tiga belas (13) tahun hingga tujuh belas (17) tahun.</li> <li>c) Pelanggan hendaklah merupakan pemegang akaun simpanan BSN Giro/i dan Kad Debit BSN. Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan hendaklah membuka akaun BSN Giro/i beserta Kad Debit BSN terlebih dahulu.</li> <li>d) Pembukaan akaun adalah tertakluk kepada deposit permulaan minima, serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak BSN.</li> </ul>
<b>S3.</b>	<b>Apakah langkah-langkah pendaftaran dan pengaktifan myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J3.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelanggan perlu mendaftarkan butiran diri pada laman sesawang <a href="https://www.mybsn.com.my/mybsn/register/register.do">https://www.mybsn.com.my/mybsn/register/register.do</a> sebagai pengguna baharu.</li> <li>b) Bagi tujuan pengaktifan, Pelanggan boleh hadir ke mana-mana kaunter cawangan BSN berdekatan atau hubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900.</li> </ul> <p><b>Nota : Pelanggan wajib menghantar Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01) ke kaunter cawangan BSN yang dilengkapi dengan tandatangan keizinan ibu bapa/ penjaga terlebih dahulu sebelum aktiviti pengaktifan dapat dilakukan.</b></p>
<b>S4.</b>	<b>Apakah dokumen yang diperlukan oleh Cawangan BSN untuk myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J4.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) MyKad (NRIC asal)</li> <li>b) Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01)</li> </ul>
<b>S5.</b>	<b>Apakah ciri-ciri yang ditawarkan dalam myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J5.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) DuitNow – Hantar atau terima wang tunai dengan hanya menggunakan nombor telefon mudah alih.</li> <li>b) Muat turun e-penyata</li> <li>c) Pembelian secara talian melalui FPX</li> <li>d) Tambah nilai pra bayar</li> <li>e) Menyemak baki semasa</li> <li>f) Pembelian Pin</li> </ul>

<b>S6.</b>	<b>Berapakah had Transaksi harian untuk myBSN Bawah 18 Tahun?</b>																		
<b>J6.</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Had Transaksi</th> <th>Had yang ditetapkan (RM)</th> <th>Had Maksimum (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pindahan pihak ketiga</td> <td>50</td> <td>250</td> </tr> <tr> <td>IBG/ DuitNow</td> <td>50</td> <td>250</td> </tr> <tr> <td>FPX</td> <td>50</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>Tambah Nilai Pra Bayar</td> <td>50</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>Pembelian Nombor Pin</td> <td>50</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table>	Had Transaksi	Had yang ditetapkan (RM)	Had Maksimum (RM)	Pindahan pihak ketiga	50	250	IBG/ DuitNow	50	250	FPX	50	100	Tambah Nilai Pra Bayar	50	100	Pembelian Nombor Pin	50	100
Had Transaksi	Had yang ditetapkan (RM)	Had Maksimum (RM)																	
Pindahan pihak ketiga	50	250																	
IBG/ DuitNow	50	250																	
FPX	50	100																	
Tambah Nilai Pra Bayar	50	100																	
Pembelian Nombor Pin	50	100																	
<b>S7.</b>	<b>Jika saya adalah Pelanggan Bank sedia ada, bolehkah saya mendaftar myBSN Bawah 18 Tahun?</b>																		
<b>J7.</b>	Ya. Untuk mendaftar myBSN Bawah 18 Tahun , Pelanggan Bank dikehendaki memiliki akaun simpanan BSN Giro/i dan Kad Debit VISA dan HANYA perlu mengisi dan menyerahkan Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01) di kaunter cawangan BSN.																		
<b>S8.</b>	<b>Bolehkah Pelanggan Bank mengaktifkan myBSN tanpa tandatangan persetujuan Ibu Bapa/ Penjaga terlebih dahulu?</b>																		
<b>J8.</b>	Tidak. Pelanggan Bank baru dan sedia ada yang berminat untuk mendaftar WAJIB mendapatkan tandatangan keizinan Ibu Bapa/ Penjaga dalam Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01) dan menyerahkan borang tersebut ke mana-mana kaunter cawangan BSN.																		
<b>S9.</b>	<b>Jika Pelanggan Bank tidak dapat mengunjungi cawangan BSN terdekat, adakah Pelanggan Bank dibenarkan untuk mengaktifkan myBSN Bawah 18 Tahun dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN?</b>																		
<b>J9.</b>	Ya. Pelanggan Bank boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 1300-88-1900 untuk tujuan pengaktifan sahaja. Walau bagaimanapun, Pelanggan Bank mestilah terlebih dahulu menyerahkan Borang Permohonan/ Pemprosesan/ Penyelenggaraan Kad BSN, Peranti Tanpa Sentuh BSN dan Akaun BSN (PPK-01).																		
<b>S10.</b>	<b>Bagaimanakah jika Pelanggan Bank hanya mempunyai akaun simpanan BSN Giro/i sedia ada tanpa mempunyai Kad Debit Visa BSN tetapi berminat untuk memohon myBSN Bawah 18 Tahun?</b>																		
<b>J10.</b>	Pelanggan Bank perlu memohon Kad Debit BSN terlebih dahulu sebelum mendaftar myBSN Bawah 18 Tahun di mana-mana cawangan BSN terdekat.																		
<b>S11.</b>	<b>Apa yang perlu saya lakukan sekiranya kata laluan saya dicerobohi oleh penggodam?</b>																		
<b>J11.</b>	Sekiranya anda menghadapi sebarang aktiviti tersebut, sila maklumkan segera kepada kami melalui talian 1300 88 1900 atau +603 2613 1900 (Luar Negara), atau e-mel ke <a href="mailto:customercare@bsn.com.my">customercare@bsn.com.my</a>																		

<b>S12.</b>	<b>Apakah tanggungjawab Pelanggan Bank sebagai pengguna myBSN?</b>
<b>J12.</b>	<p>a) JANGAN sekali-kali menjawab sebarang panggilan telefon/ SMS / e-mel yang meminta maklumat akaun bank anda atau mengikuti arahan daripada pihak yang tidak dikenali untuk melakukan transaksi perbankan atau membuat perubahan pada butiran akaun bank anda.</p> <p>b) JANGAN sesekali mendedahkan butiran akaun bank/ ATM/ PIN/ kata laluan perbankan internet anda kepada sesiapa sahaja. Ia adalah unik untuk akaun anda dan dibuat bagi melindungi privasi maklumat perbankan anda.</p> <p>c) JANGAN sesekali menggunakan fungsi "ingat kata laluan" pada pelayar (browser) kami kerana maklumat ini dapat diakses dengan mudah oleh penggodam.</p> <p>d) JANGAN sesekali log masuk jika gambar untuk perbankan internet anda bukan gambar pilihan anda</p> <p>e) Anda hendaklah menggunakan myBSN anda dengan bertanggungjawab dan bukan untuk sebarang aktiviti haram atau menyalahi undang-undang seperti transaksi perjudian atas talian dan menggunakan kad untuk membuat bayaran untuk transaksi yang tidak diluluskan oleh Syariah (untuk akaun berlandaskan Islam).</p>
<b>S13.</b>	<b>Apakah Tips Keselamatan saya sebagai Pengguna myBSN?</b>
<b>J13.</b>	<p>a) Taipkan alamat URL yang betul secara manual <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> atau <a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a></p> <p>b) Pastikan perakuan keselamatan (security certificate) adalah untuk <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> atau <a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a> dengan klik ikon kunci pada URL.</p> <p>c) Tukar kata laluan anda selang beberapa bulan. Sekiranya anda merasakan kata laluan anda telah dicerobohi, segera hubungi kami untuk menetapkan semula kata laluan anda.</p> <p>d) Pastikan anda membaca perkhidmatan yang diminta untuk TAC sebelum anda memasukkan nombor TAC.</p> <p>e) Periksa akaun dan penyata bank anda dengan kerap.</p> <p>f) Log keluar dari myBSN sebaik sahaja selesai melakukan transaksi dan sebelum melayari laman web lain.</p> <p>g) Kosongkan cache anda setiap kali anda log keluar. Untuk maklumat lebih lanjut, mengenai Tips Keselamatan sebagai Pengguna myBSN, sila layari <a href="https://www.bsn.com.my/page/security-tips">https://www.bsn.com.my/page/security-tips</a></p>
<b>S14.</b>	<b>Bagaimanakah sekiranya pelanggan ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai myBSN Bawah 18 Tahun?</b>
<b>J14.</b>	Pelanggan boleh melayari laman web BSN di <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Terma dan Syarat myBSN Bawah 18 Tahun atau kunjungi cawangan BSN berhampiran